

21 MAY 2003

REAKSI-HOTEL/I

LANGKAH-LANGKAH PAKEJ RINGANKAN MASALAH ALIRAN TUNAI PEMILIK HOTEL

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Langkah-langkah yang terkandung dalam pakej ekonomi yang diumumkan hari ini akan meringankan masalah aliran tunai yang dihadapi oleh pemilik hotel, kata Presiden Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Mohd Ilyas Zainol Abidin, di sini, hari ini.

"Dengan langkah sedemikian kami mempunyai kedudukan yang lebih baik untuk mengubahsuai aliran tunai kami," katanya ketika dihubungi Bernama hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pakej ekonomi strategi baru bernilai RM7.3 bilion untuk merangsang ekonomi dan membantu industri yang terjejas akibat penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Sejak SARS menular, industri pelancongan terutamanya pengusaha hotel dan ejen pelancongan serta sektor perniagaan terjejas teruk dan untuk membantu mereka kerajaan telah menyediakan langkah-langkah segera untuk mengurangkan kos menjalankan perniagaan.

Ianya termasuklah menyediakan diskaun lima peratus bagi bil elektrik bulanan daripada 1 Jun hingga 31 Dis 2003, mengurangkan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) oleh majikan kepada sembilan peratus daripada 11 peratus bagi tempoh setahun bermula 1 Jun 2003 dan mengecualikan cukai perkhidmatan bagi hotel dan restoran bermula 1 Jun hingga 31 Dis 2003.

Mohd Ilyas berkata pengusaha hotel terjejas teruk ekoran SARS dan perang di Iraq yang telah mengurangkan pendapatan mereka.

"Kami berharap dengan pakej ekonomi ini kami masih boleh menyelamatkan keadaan," katanya.

Beliau berkata pengecualian cukai perkhidmatan lima peratus, khususnya, akan menggalakkan pengguna menganjurkan lebih banyak majlis di hotel-hotel.

Mohd Ilyas berkata kadar penghunian bagi hotel-hotel merosot sepanjang tempoh 15 hari pertama Mei 2003 kepada 40.02 peratus berbanding 65.42 peratus pada tempoh yang sama tahun lalu. Pada April tahun ini kadar penghunian berjumlah 41.65 peratus.

Anggota MAH mengalami kerugian pendapatan kira-kira RM52.8 juta pada tempoh 15 hari pertama Mei, katanya.

Beliau juga berkata MAH sedang bekerjasama rapat dengan Pelancongan Malaysia, Penerbangan Malaysia dan Persatuan Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), untuk menggalakkan pelancongan dalam negeri dengan menyediakan pakej istimewa perjalanan dan hotel.

Sementara itu, Presiden MATTA Tunku Datuk Seri Iskandar Tunku Abdullah, menyifatkan pakej itu sebagai satu langkah positif.

Ia sejajar dengan cadangan yang dibuat oleh MATTA empat minggu lalu kepada kerajaan yang menyenaraikan 10 perkara bagi membantu industri yang terjejas termasuk menyediakan pinjaman mudah, katanya kepada Bernama. --
BERNAMA

PK/AZH FR ZK